



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



CABARAN DAN SOLUSI PENGAJARAN BAHASA ARAB BAGI
PELAJAR BUKAN MUSLIM DI MALAYSIA

*CHALLENGES AND PEDAGOGICAL SOLUTIONS IN TEACHING ARABIC TO
NON-MUSLIM LEARNERS IN MALAYSIA*

Siti Rohani Jasni^{1*}, Mohd Hatib Ismail², Afifah Azmi³, Ahmad Sunawari Long⁴, Mohd Taqwudin
Mohd Yazid⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Jalan UMS, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: s_rohani@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Jalan UMS, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: mohdhatib@ums.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis Malaysia

Email: afifah169@uitm.edu.my

⁴ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, 43600 Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: aslong@ukm.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Jalan UMS, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: mohdtaqwudin@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Jasni, S. R., Ismail, M. H., Azmi, A., Long, A. S., & Mohd Yazid, M. T. (2025). Cabaran dan Solusi Pengajaran Bahasa Arab bagi Pelajar

Abstrak:

Perkembangan landskap pendidikan di Malaysia telah menjadikan penguasaan bahasa Arab menjadi sebagai satu nilai tambah penting terutamanya dalam aspek komunikasi global. Bahasa Arab kini tidak lagi terhad kepada fungsi keagamaan semata-mata, sebaliknya diiktiraf sebagai bahasa ilmu, diplomasi dan budaya yang bernilai tinggi. Perubahan ini telah mendorong penglibatan pelajar daripada pelbagai latar belakang agama termasuk pelajar bukan Muslim untuk mempelajari bahasa Arab bagi pelbagai tujuan seperti akademik, kerjaya dan pemahaman silang budaya. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim bukanlah suatu yang dianggap mudah terutamanya apabila mereka tidak mempunyai pengetahuan asas penulisan dan sebutan huruf Arab. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar bukan Muslim dalam pembelajaran bahasa Arab serta

Bukan Muslim di Malaysia.
*International Journal of Education,
Psychology and Counseling*, 10 (59),
698-712.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059051

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



mencadangkan solusi yang berkesan bagi menangani isu tersebut. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan yang melibatkan analisis kandungan terhadap literatur berkaitan pendekatan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim. Hasil kajian mendapati bahawa kekurangan bahan bantu mengajar yang kontekstual dan mesra pengguna menjadi antara punca utama yang mendorong kepada kesukaran pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim. Kekangan ini menyumbang kepada penurunan motivasi pelajar dan memberi kesan negatif terhadap keyakinan diri mereka untuk menggunakan bahasa Arab secara aktif. Solusi kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan bahan pembelajaran yang relevan dengan konteks kehidupan harian pelajar serta pendekatan komunikasi yang efektif dapat meningkatkan kefahaman pelajar untuk mempelajari bahasa Arab secara lebih bermakna. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan pendekatan pengajaran bahasa Arab yang lebih inklusif dan berkesan serta memperkukuh apresiasi terhadap perbezaan budaya dalam kalangan pelajar bukan Muslim.

Kata kunci:

Pengajaran Bahasa Arab Kepada Bukan Muslim, Cabaran Pengajaran Bahasa Arab, Pedagogi Inklusif, Solusi Pengajaran Bahasa Arab.

Abstract:

The evolving landscape of education in Malaysia has positioned Arabic language proficiency as an important value, particularly in the context of global communication. Arabic is no longer confined to religious functions alone, but is now widely recognized as a language of knowledge, diplomacy, and rich of cultural heritage. This shift has encouraged students from diverse religious backgrounds, including non-Muslim learners to pursue Arabic for various purposes such as academic advancement, career development, and intercultural understanding. However, mastering Arabic remains a significant challenge for non-Muslim learners, especially those without foundational knowledge of Arabic script and pronunciation of its letters. This study aims to identify the challenges faced by non-Muslim students in learning Arabic and to propose effective solutions to address these issues. The methodology employed is a literature-based approach, involving content analysis of scholarly works related to Arabic language teaching for non-Muslim learners. The findings of this study indicate that the lack of contextual and user-friendly teaching aids is among the main factors contributing to the difficulty of learning Arabic among non-Muslim students. These limitations lead to reduced motivation and negatively affect students confidence in using Arabic actively. As a solution, the study suggests that incorporating learning materials relevant to students daily lives, along with effective communicative approaches, can enhance their understanding of Arabic in a more meaningful way. It is hoped that this study will contribute to the development of more inclusive and effective Arabic language teaching approaches, while also strengthening appreciation for cultural diversity among non-Muslim learners.

Keywords:

Teaching Arabic To Non-Muslim Learners, Challenges In Arabic Language Instruction, Inclusive Pedagogical Strategies, Solutions In Arabic Language Education

Pengenalan

Bahasa Arab diiktiraf sebagai salah satu bahasa tertua dan kaya dengan sejarah peradaban manusia. Penggunaan bahasa Arab tidak hanya terbatas kepada umat Islam dalam aspek ibadah semata-mata, namun ianya dianggap penting dalam pelbagai aspek lain seperti komunikasi antarabangsa (Elarnaoty, 2018), hubungan perdagangan serta pelbagai kerjaya profesional (Keshav et al., 2022; Al-Melhes, 2024). Keupayaan menguasai bahasa Arab membuka peluang kepada individu untuk mengakses kepada pelbagai sumber ilmu pengetahuan yang ditulis dalam bahasa Arab, termasuk karya-karya sastera, falsafah, dan ilmu agama yang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan pemikiran manusia.

Pendidikan bahasa Arab di Malaysia telah diperkenalkan secara tidak langsung sejak kedatangan Islam pada abad ke-13 melalui sistem pengajian di madrasah dan sekolah pondok. Bahasa Arab terus diberi perhatian khusus oleh kerajaan melalui kurikulum kebangsaan dan institusi pendidikan Islam seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pengajaran bahasa Arab pada awalnya difokuskan kepada pelajar Muslim bagi tujuan keagamaan, khususnya dalam memahami al-Quran, hadis dan teks-teks klasik Islam (Keshav et al., 2022; Rosni, 2009). Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan semasa, pembelajaran bahasa Arab kini turut dibuka kepada pelajar bukan Muslim, sama ada secara sukarela atau sebagai sebahagian daripada program akademik tertentu.

Usaha memperluas pengajaran bahasa Arab ini seiring dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dan seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Bahasa Arab dilihat bukan sekadar sebagai bahasa ibadah, tetapi juga sebagai wahana intelektual dan kebudayaan yang mampu menyumbang kepada pembentukan pemikiran kritis serta kefahaman silang budaya. Justeru, pelaksanaan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang termasuk bukan Muslim agar selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan warganegara yang berilmu, bertanggungjawab, dan berdaya saing di peringkat global.

Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Muslim

Tren terkini pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim di Malaysia telah menyaksikan suatu evolusi ketara dari sudut penerimaan bahasa Arab dalam konteks pembelajaran bahasa Asing. Walaupun bahasa Arab sering dikaitkan dengan agama Islam, permintaan terhadap pembelajaran bahasa ini semakin meningkat dalam kalangan pelajar bukan Muslim terutamanya bagi tujuan akademik, komunikasi, dan kepentingan profesional. Keupayaan menguasai bahasa Arab membuka akses kepada pelbagai sumber ilmu, termasuk dalam bidang perundangan, hubungan antarabangsa, perbankan Islam dan pelancongan (Rosni, 2009; Mohammad Imran & Mohammad Najib, 2017). Di samping itu, penguasaan bahasa Arab dilihat sebagai satu kelebihan kompetitif yang dapat memperluas peluang kerjaya (Mohd Shahrizal et al., 2017; al-Qarni et al., 2023) di peringkat serantau dan global. Seiring dengan perkembangan ini, institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia telah mengambil inisiatif menawarkan kursus bahasa Arab asas secara lebih sistematik dan terbuka kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang agama khususnya pelajar bukan Muslim.

Di universiti awam di Malaysia, kursus bahasa Arab telah ditawarkan di beberapa buah universiti tempatan di Malaysia antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussien (UTHM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan lain-lain. Pembelajaran bahasa Arab peringkat asas lazimnya ditawarkan sebagai kursus elektif atau sebahagian daripada program pengajian bahasa dan pengajian Islam. Kursus ini direka bentuk bagi memperkenalkan pelajar kepada asas-asas komunikasi dalam bahasa Arab, termasuk pengenalan huruf, sistem fonetik, struktur ayat mudah, dan perbendaharaan kata harian. Modul pembelajaran sering memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis, di samping penguasaan asas mendengar dan bertutur secara berperingkat. Pembelajaran kursus bahasa Arab peringkat asas dijadikan sebagai bahasa asing elektif yang ditawarkan selama tiga hingga empat semester kepada pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab.

Institusi swasta juga berperanan dalam memperluas akses penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan natif. Institusi ini menyediakan pelbagai kursus bahasa Arab asas hingga lanjutan yang menumpukan kepada komunikasi praktikal dan penggunaan bahasa dalam kehidupan harian. Sebagai contoh, *Arabic Academy Malaysia* menawarkan kelas bahasa Arab sepanjang tahun dengan pendekatan komunikatif dan penggunaan bahan bantu visual yang sesuai untuk pelajar. Manakala, pembelajaran bahasa Arab melalui platform dalam talian seperti *NaTakallam* dan *eArabiclearning* menyediakan sesi pembelajaran peribadi secara atas talian bersama penutur asli dengan membuka peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran bertutur dan mendengar dalam suasana yang interaktif. Di samping itu, al-Madinah International University (MEDIU) turut menyediakan program formal bersijil bagi pelajar yang ingin memperkukuh asas bahasa Arab secara akademik. Inisiatif ini bukan sahaja melengkapkan usaha kerajaan dalam menyediakan alternatif yang lebih terbuka dan inklusif dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia, malah turut menjadikan bahasa ini lebih mudah diakses oleh pelajar daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya.

Cabaran Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Pelajar Bukan Muslim

Tidak dapat dinafikan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim memerlukan usaha yang gigih terutamanya apabila mereka tidak mempunyai asas dalam tulisan Arab dan konteks penggunaannya. Berbeza dengan pelajar Muslim, mereka mempunyai pendedahan awal bahasa Arab melalui bacaan al-Quran atau amalan keagamaan. Situasi ini menyebabkan pelajar bukan Muslim perlu menyesuaikan diri dengan bentuk huruf, sebutan dan sistem tatabahasa yang sangat berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Realitinya, pelajar bukan Muslim sering berdepan dengan pelbagai halangan sepanjang proses pembelajaran (Ashinida, 2021; Zamri et al., 2020; Zouhir, 2010) menjadikan usaha menguasai bahasa Arab lebih kompleks dan rumit. Antara cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti berikut:

Linguistik

Sistem linguistik bahasa Arab yang kompleks merupakan salah satu antara cabaran utama bagi pelajar bukan Muslim menguasai bahasa Arab. Keunikan bahasa Arab dapat dilihat dari beberapa aspek yang melibatkan fonologi, morfologi, sintaksis dan sistem tulisannya. Kajian al-Qarni et al. (2023) mendapati beberapa huruf konsonan Arab yang paling mencabar untuk dilafazkan iaitu /ت/ *t*, /ذ/ *dh*, /ص/ *s*, /ض/ *dh*, /ظ/ *dh*, /ح/ *h*, /ع/ *ay* dan /ه/ *ay*, terutamanya apabila huruf ini berada di posisi medial sesuatu perkataan. Sistem fonetik Arab ini menimbulkan kesukaran dalam pengecaman dan penghasilan bunyi secara tepat kerana tidak wujud padanan fonetik yang sesuai dalam bahasa lain seperti Cina dan Tamil. Kaseh dan Muhammad Faiz

(2018) mendapati guru kurang menekankan aspek fonetik dalam sesi pengajaran menyebabkan pelajar tidak mampu menyebut perkataan bahasa Arab dengan betul.

Di samping itu, sistem morfologi Arab yang rumit menyukarkan pelajar untuk menguasai kosa kata Arab dalam masa yang singkat (Siti Rohani & Mohd Hatib, 2024, 2025; Ashinida, 2021). Kesukaran dalam membezakan perubahan bentuk kata mengikut wazan turut menambah kekeliruan dalam kalangan pelajar bukan Muslim. Kajian Ashinida (2021) mendapati mengingat kosa kata merupakan halangan utama dalam pembelajaran bahasa Arab kerana pelajar terpaksa menghabiskan masa untuk memahami makna perkataan. Pelajar bukan sahaja perlu memahami makna asas perkataan, tetapi juga variasi makna yang timbul akibat perubahan pola morfologi. Sebahagian pelajar juga menganggap struktur tatabahasa Arab sebagai sesuatu yang membebankan dan sukar untuk dikuasai (Wati Susiawati, 2024). Proses pembelajaran akan menjadi lebih mencabar terutamanya apabila pelajar tidak mempunyai asas linguistik yang kukuh atau strategi pembelajaran yang sesuai.

Di samping itu, sistem ortografi Arab yang berbeza daripada sistem tulisan rumi menyukarkan pelajar bukan Muslim untuk menyesuaikan diri pada peringkat awal pembelajaran. Pelajar bukan Muslim menghadapi masalah untuk mengenal huruf dan menulis tulisan Arab (Mohd Shahrizal et al., 2023; Zamri et al., 2020). Kaedah penulisan huruf menggunakan skrip kanan ke kiri, perubahan bentuk huruf mengikut kedudukan (di awal, di tengah, di akhir) dan sering kali ditulis tanpa baris juga menyukarkan bacaan teks bagi pelajar bukan Muslim. Ketiadaan asas tulisan jawi atau penguasaan fonetik Arab yang kukuh dalam kalangan pelajar bukan Muslim menyebabkan mereka lebih mudah berasa keliru dan cepat berputus asa apabila berhadapan dengan teks Arab.

Motivasi

Sesetengah pelajar bukan Muslim berpandangan bahawa bahasa Arab sebagai bahasa yang eksklusif untuk Muslim. Situasi ini menyebabkan mereka kurang bermotivasi untuk mempelajari bahasa Arab kerana tiada asas yang dilatari oleh agama sebagaimana pelajar yang beragama Islam. Pengalaman awal yang negatif seperti kesukaran membaca huruf Arab, kegagalan dalam ujian atau perasaan tidak mampu bersaing dengan rakan Muslim (Ashinida, 2012) turut menyumbang kepada tekanan emosi dan keletihan mental. Kebimbangan bahasa atau *language anxiety* dalam kalangan pelajar wujud apabila mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (Mohd Ieruwan & Sueraya, 2020). Menurut Zamri et al. (2021), minat pelajar bukan Muslim terhadap bahasa Arab adalah rendah disebabkan kesukaran dalam bertutur serta tanggapan bahawa bahasa tersebut tidak relevan dengan keperluan dan masa depan kerjaya mereka. Fenomena ini disokong oleh dapatan Wati Susiawati (2024) bahawa pelajar lebih cenderung merasa rendah diri, kurang berkeyakinan dan mudah putus asa apabila mereka tidak mampu memahami teks Arab dan bertutur dengan lancar. Kajian terdahulu mengenai kebimbangan bahasa mendapati kemahiran bertutur merupakan aspek yang paling kerap menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar (Najah Nasuha & Harun, 2024; Wati Susiawati, 2024; al-Qarni et al., 2023; Ashinida, 2021; Mohd Ieruwan & Sueraya, 2020; Oteir & al-Otaibi, 2019; Horwitz, 1986). Kesukaran menyampaikan mesej atau maksud dengan tepat semasa berkomunikasi secara lisan bersama rakan sering menjadi pencetus utama kebimbangan dalam pembelajaran bahasa.

Bahan Pengajaran

Kajian lepas mendapati kandungan bahan pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim jarang dibahaskan meskipun ia merupakan elemen penting yang mempengaruhi

kejayaan sesuatu proses pembelajaran. Struktur bahan pengajaran yang terlalu kompleks dan penekanan berlebihan terhadap tatabahasa menjejaskan pembelajaran bahasa Arab (Ashinida, 2012). Faktor ini menyukarkan pelajar bukan Muslim sukar untuk mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan harian kerana tidak berupaya untuk membaca teks secara sendiri dan kekurangan akses kepada bahan pembelajaran yang bersifat praktikal dan menarik. Ritonga et al. (2023) menegaskan pendekatan pengajaran yang statik dan tidak inovatif menyumbang kepada persepsi negatif terhadap bahasa Arab sebagai subjek yang sukar dan tidak menarik. Tambahan pula, bahan pembelajaran yang tidak mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran dan latar belakang sosio-budaya pelajar bukan Muslim telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menjadi kurang berkesan dan membosankan.

Pedagogi

Walaupun bahasa Arab kini semakin mendapat perhatian sebagai bahasa global, realitinya proses pengajaran dan pembelajarannya masih berdepan pelbagai cabaran. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah pendekatan pengajaran yang masih bersifat statik, berpusatkan guru (*teacher-centred*), dan terlalu menekankan kaedah hafalan. Kaedah sedemikian dilihat tidak lagi relevan untuk generasi pelajar masa kini yang memerlukan pendekatan yang lebih praktikal, interaktif dan berpusatkan pelajar (Siti Rohani & Mohd Hatib, 2024). Akibatnya, pelajar kurang terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan tidak dapat mengaitkan penguasaan bahasa Arab dengan konteks kehidupan seharian mereka (Danial, 2017) khususnya dalam kalangan pelajar bukan Muslim.

Tambahan pula, kekurangan penerapan teknologi serta penggunaan kaedah tradisional yang berulang turut menyumbang kepada tanggapan bahawa bahasa Arab adalah subjek yang sukar dan membosankan (Wati Susiawati, 2024; Ritonga et al., 2023; Nailur Rahmawati, 2018). Pandangan ini berpunca daripada kaedah pengajaran tradisional yang tidak relevan dengan keperluan semasa dan kegagalan pendidik dalam mengintegrasikan teknologi dengan berkesan dalam proses pembelajaran (Ritonga et al., 2023).

Dapatan dan Perbincangan

Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap Bahasa Arab merupakan aspek penting untuk memahami sejauh mana proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini dapat diterima dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Antara cabaran utama yang dikenal pasti terbentuk daripada pengalaman awal pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab didorong oleh beberapa aspek iaitu sistem linguistik Arab, motivasi, bahan pengajaran dan pedagogi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar bukan Muslim berhadapan dengan pelbagai cabaran yang melibatkan sistem linguistik Arab yang terdiri daripada sistem ejaan, tulisan, sebutan dan struktur tatabahasa Arab yang rumit dan berbeza dengan bahasa lain. Pengalaman awal yang tidak memberangsangkan seperti kesukaran mengenal huruf Arab, ketidakupayaan untuk mencapai matlamat pembelajaran dan rasa tidak mampu bersaing dengan rakan sekelas beragama Islam, menjadi antara faktor yang melemahkan semangat pelajar bukan Muslim dalam pembelajaran bahasa Arab. Kebimbangan ini menyebabkan mereka sukar untuk terlibat aktif dalam pembelajaran khususnya dalam aktiviti komunikasi lisan (Najah Nasuha & Harun 2023; Ashinida, 2021; 2012). Kemahiran bertutur menjadi punca utama kepada tekanan afektif dan rendah diri dalam kalangan pelajar bukan Muslim.

Selain itu, dapatan turut mendapati bahawa bahan pengajaran yang terlalu berorientasikan tatabahasa, tidak praktikal dan kurang interaktif telah menjejaskan minat serta pemahaman pelajar bukan Muslim terhadap bahasa Arab. Pendekatan pengajaran yang statik serta bahan

Najah Nasuha & Harun Baharuddin (2024)	Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM)	Mengenal pasti strategi sebutan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah.	Pelajar Sekolah Agama Menengah	Kajian kualitatif	Temubual, rakaman audio	Latihan berulang dan bimbingan fonetik membantu; hasil bergantung pada latihan konsisten.
Mohammad Imran Ahmad & Mohammad Najib Jaffar (2017)	Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Kajian Awal	Membina model keperluan bahasa Arab untuk sektor pelancongan Islam.	Pengamal industri pelancongan Islam	Kajian reka bentuk pembangunan	Analisis dokumen	Mencadangkan model keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam
Mohd Shahrizal Nasir et al. (2024)	Pembelajaran Bahasa Arab oleh Pelajar Bukan Muslim Menerusi Penggunaan Transliterasi Arab-Rumi	Menilai keberkesanan transliterasi Arab-Rumi dalam membantu pembelajaran pelajar bukan Muslim.	Pelajar bukan Muslim	Kajian eksperimen	Ujian pra dan pasca	Transliterasi bantu pemula; namun kekangan dalam penguasaan tulisan Arab sebenar.
Nailur Rahmawati. (2018)	Pengembangan Alat Permainan Edukatif dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah Wahid Hasyim Sleman Yogyakarta	Meneliti keberkesanan strategi pembelajaran sebutan dalam pengajaran kemahiran bertutur.	Pelajar Sekolah Agama Menengah	Kajian literatur	Analisis dokumen	Penerapan amalan bermain dalam pembelajaran bahasa Arab membantu meningkatkan hafalan kosa kata
Ritonga et al. (2023)	The Future of Arabic language Learning for Non-Muslims as an Actualization of Wasathiyah Islam in Indonesia	Menganalisis masa depan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan bukan Muslim di Indonesia.	64 Pelajar bukan Muslim di Indonesia	Kajian kualitatif dan kuantitatif	Soal selidik dan temubual	Kaedah tradisional sudah menjadi tidak relevan, dan perlu kepada pendekatan yang lebih kontekstual dan interaktif.
Oteir & al-Otaibi (2019)	Foreign Language Anxiety: A Systematic Review	Meneroka faktor yang mempengaruhi kebimbangan dalam pembelajaran bahasa asing	Pelajar pelbagai latar	Kajian literatur	Analisis dokumen	Kemahiran bertutur dan mencetus kebimbangan kurang tumpuan pada pelajar bukan Muslim secara khusus.
Siti Rohani Jasni & Mohd Hatib Ismail (2024)	Exploring Games to Enhance Arabic Morphology Learning	Menilai keberkesanan penggunaan permainan dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab.	Pelajar bukan Muslim	Kajian literatur	Analisis dokumen	Permainan berupaya meningkatkan minat dan kefahaman terhadap morfologi Arab
Keshav et al. (2022)	The Role of Technology in Era 5.0 in The Development of Arabic Language in The World of Education	Meneliti peranan teknologi dalam pengembangan bahasa Arab pada era Revolusi Industri 5.0.	Pelajar dan pengajar bahasa Arab	Kajian literatur	Analisis dokumen	Teknologi membantu pengajaran bahasa Arab
Elarnaoty (2018)	The Role of Technology in Era 5.0 in The Development of Arabic Language in The World of Education	Meneroka peranan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab moden.	Pelajar dan institusi pendidikan	Kajian literatur	Analisis dokumen	Teknologi memperluas capaian pembelajaran

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan perlunya usaha untuk menambah baik pendekatan pedagogi dan membangunkan bahan pengajaran yang lebih kontekstual, responsif serta relevan dengan latar belakang dan keperluan pelajar bukan Muslim. Bentuk-bentuk cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim diringkaskan dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Cabaran pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan Muslim

Solusi Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar Bukan Muslim

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim merupakan suatu proses yang mencabar dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Oleh itu, beberapa strategi perlu diberi perhatian bagi memastikan pengajaran bahasa Arab menjadi lebih efektif dan mudah diterima oleh pelajar bukan Muslim. Cadangan berikut dirumuskan berdasarkan dapatan kajian terdahulu serta keperluan sebenar pengajaran bahasa Arab bagi pelbagai budaya dan agama di Malaysia.

Pertama: Pembangunan modul Arabic for Specific Purposes (ASP)

Suatu modul perlu dirangka berdasarkan keperluan sebenar pelajar dalam pelbagai bidang seperti komunikasi harian, akademik, pelancongan, perniagaan dan sebagainya. Pendekatan ini membolehkan bahasa Arab diajar dalam konteks yang lebih praktikal dan tidak semata-mata terikat kepada kandungan keagamaan sekali gus menjadikannya lebih inklusif untuk pelajar bukan Islam. Ashinida (2013) menekankan bahawa penghasilan modul *Arabic for Specific Purposes* (ASP) yang mengambil kira latar belakang dan matlamat pembelajaran pelajar dapat meningkatkan motivasi serta memperkukuh pemahaman mereka terhadap struktur bahasa Arab. Azhar et al. (2023) dalam kajian mereka mencadangkan agar penawaran kursus bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim perlu realistik dan berorientasikan kerjaya. Manakala, pembangunan modul dari sudut pelancongan Islam amat diperlukan bagi memenuhi kehendak semasa (Mohammad Imran dan Mohammad Najib, 2017).

Kedua: Bahan Pembelajaran Bentuk Dwibahasa dan Transliterasi

Penyediaan bahan pengajaran berasaskan dwibahasa dan transliterasi amat penting, khususnya bagi pelajar bukan Muslim yang tidak memiliki asas dalam tulisan dan sebutan Arab. Penggunaan dwibahasa (Arab-Melayu atau Arab-Inggeris) membantu melancarkan proses pemahaman pelajar terhadap makna dan struktur ayat dalam bahasa Arab. Manakala, kaedah transliterasi dapat memudahkan mereka menyebut perkataan dengan betul sebelum benar-benar menguasai huruf Arab. Transliterasi dalam bentuk Arab ke Rumi merujuk kepada penukaran huruf Arab kepada bentuk huruf Rumi dengan memadankan bunyi sebutannya. Pendekatan ini selari dengan keperluan pedagogi pelajar bukan Muslim di peringkat asas yang memerlukan bantuan visual dan fonetik dalam pembelajaran (Mohd Shahrizal et al. 2023; Azman & Ahmad Nazuki, 2010.).

Ketiga: Integrasi Teknologi Digital dalam Pengajaran Bahasa Arab

Pengintegrasian aplikasi digital sangat relevan dengan perkembangan revolusi pendidikan 4.0 pada masa kini. Ianya merupakan langkah penting untuk menarik minat pelajar bukan Muslim serta meningkatkan penglibatan mereka secara aktif dalam bilik darjah. Penggunaan aplikasi interaktif berasaskan gamifikasi seperti *Padlet*, *Quizizz*, *Kahoot!* dan *Google Classroom* membolehkan guru mencipta suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan, fleksibel, dan bersifat sendiri. Teknologi ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berlatih menyebut perkataan dan struktur ayat secara berulang dalam suasana yang menyeronokkan. Aktiviti pembelajaran berasaskan permainan sebegini bukan sahaja mampu mewujudkan proses pembelajaran yang aktif tetapi dapat meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk menggunakan bahasa Arab secara praktikal dalam situasi sebenar (Siti Rohani & Mohd Hatib, 2025).

Di samping itu, penggunaan *podcast* sebagai bahan sokongan pembelajaran boleh dijadikan salah satu strategi inovatif dalam pengajaran bahasa Arab bukan sahaja bagi pelajar bukan Muslim tetapi juga memberi banyak manfaat kepada pelajar Muslim. Pendedahan kepada

bahan rakaman audio yang pelbagai seperti perbualan harian, cerita pendek, atau temubual dapat membiasakan pelajar dengan variasi loghat dan gaya pertuturan bahasa Arab. Penggunaan *podcast* dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran *istima'* (kemahiran mendengar) dapat membantu pelajar meningkatkan tahap pengetahuan mereka terhadap sebutan, intonasi, dan makna perkataan dalam konteks yang lebih autentik dan semula jadi (DurrotusTsaminah et al., 2023). Selain itu, penggunaan *podcast* juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengulang dan mengakses bahan pembelajaran mengikut kadar keupayaan masing-masing tanpa mengira masa dan tempat sekaligus menggalakkan pembelajaran sendiri (*self-paced learning*). Pendekatan sebegini sangat bersesuaian dengan pelajar bukan Muslim kerana ia menyediakan ruang pembelajaran yang lebih neutral, fleksibel dan tidak terlalu berasaskan kandungan keagamaan.

Keempat: Latihan Artikulasi Bunyi dalam Konteks Fonetik Arab

Latihan berkaitan fonetik dan artikulasi bunyi Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim merupakan komponen penting dalam pengajaran bahasa Arab, namun aspek ini masih kurang diberi penekanan dalam kajian terdahulu. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek tatabahasa, kosa kata, atau motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab tanpa memberi perhatian terhadap aspek bunyi sebutan Arab. Ketiadaan modul latihan fonetik yang sistematik dan mesra pelajar bukan Muslim juga menyebabkan guru sukar memberikan intervensi yang berkesan. Kekurangan ini menyebabkan pelajar bukan Muslim sering mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan Arab dengan betul, seterusnya menjejaskan keyakinan mereka untuk bertutur dan menyertai aktiviti komunikasi lisan. Oleh itu, wujud keperluan untuk membangunkan latihan khusus dalam aspek fonetik yang bukan sahaja mengambil kira latar belakang pelajar bukan Muslim tetapi juga mengambil kira sensitiviti budaya dan tahap penguasaan bahasa mereka yang berbeza daripada pelajar Muslim.

Antara aktiviti yang dicadangkan untuk memperkasa latihan artikulasi bunyi berasaskan fonetik Arab seperti berikut:

- a) Latihan artikulasi: Guru mengajar teknik menyebut bunyi secara perlahan, dengan tunjuk ajar pergerakan lidah dan langit.
- b) Padanan bunyi: Aktiviti mencerap perbezaan antara bunyi hampir serupa seperti ح dan هـ.
- c) Aktiviti dengar dan tiru: Pelajar mendengar audio dan meniru dengan bimbingan fonetik visual.
- d) Kuiz sebutan: Menggunakan audio untuk menguji pemahaman bunyi.
- e) Permainan fonetik: Contohnya, “*Cari Bunyi Aneh*” agar pelajar berupaya mengenalpasti huruf yang sebutannya tidak betul dalam rakaman.

Kelima: Latihan Profesional Kepada Guru


Latihan asas dalam pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim amat penting bagi membolehkan guru menyesuaikan pendekatan pedagogi dengan latar belakang pelajar yang berbeza dari segi agama, budaya dan pengalaman pembelajaran. Dalam konteks ini, penggunaan pendekatan yang sama seperti pelajar Muslim adalah kurang sesuai kerana pelajar bukan Muslim mempunyai perbezaan yang ketara dari aspek pendedahan awal terhadap bahasa Arab. Oleh itu, guru perlu dilengkapi dengan kemahiran pedagogi yang bersifat inklusif dan responsif terhadap keperluan, minat, dan tahap penguasaan pelajar. Ashinida (2021)

menegaskan bahawa guru yang tidak mengambil kira dimensi afektif pelajar bukan Muslim berisiko meningkatkan tekanan emosi dan kebimbangan bahasa dalam kalangan pelajar.

Manakala, pendekatan yang bersifat menghukum terhadap kesalahan pelajar perlu dielakkan kerana ia boleh menjejaskan keyakinan diri dan motivasi pelajar untuk terus belajar. Sebaliknya, guru digalakkan untuk membina keyakinan pelajar melalui pujian, galakan, dan peneguhan positif untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mesra dan menyokong suasana pembelajaran kondusif (Wati Susiawati, 2024). Pandangan ini selari dengan Horwitz (1986) yang menegaskan bahawa sokongan emosi dan suasana pembelajaran yang selamat dapat membantu pelajar mengatasi kebimbangan dan membina keberanian untuk bertutur dalam bahasa asing. Sehubungan itu, guru perlu dilatih untuk menekankan kaedah pengajaran yang berperingkat bermula daripada tahap asas kepada kandungan yang lebih kompleks secara berstruktur seperti kosa kata harian, sebutan huruf dan struktur ayat mudah, sebelum beralih kepada teks-teks yang lebih kompleks. Kaedah ini bukan sahaja membantu pelajar bukan Muslim memahami bahasa Arab secara sistematik, tetapi memastikan pelajar bukan Muslim dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih yakin dan berkesan.

Keenam: Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran Yang Bersifat Komunikatif

Bagi memperkukuh pelaksanaan aktiviti yang bersifat komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim, beberapa penambahbaikan perlu dipertimbangkan. Antaranya ialah pelaksanaan simulasi berkaitan dengan aktiviti harian seperti dialog di perpustakaan, pasar raya, restoran, atau lapangan terbang bagi membolehkan pelajar mempraktikkan kosa kata dan struktur bahasa dalam konteks sebenar. Kaedah lakonan dalam bahasa Arab melibatkan penggunaan dialog yang berperanan untuk membantu pelajar mempraktikkan kemahiran bahasa mereka dalam situasi yang menyerupai kehidupan sebenar. Kaedah ini bertujuan untuk mendekatkan pelajar dengan penggunaan bahasa Arab yang praktikal dan kontekstual. Kajian Azani et al. (2012) mendapati bahawa aktiviti lakonan berperanan sebagai strategi pengajaran berpusatkan pelajar yang memberikan ruang aktif kepada mereka untuk meneroka dan mengaplikasikan kemahiran berbahasa dalam konteks yang lebih bermakna. Aktiviti yang melibatkan simulasi dapat membantu pelajar berfikir dan bertindak balas secara spontan dalam bahasa Arab serta meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam situasi yang berbeza. Cadangan kepada solusi pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim diringkaskan dalam rajah 2 seperti berikut.



Rajah 2 Solusi Pengajaran Bahasa Arab bagi Pelajar Bukan Muslim

Kesimpulan

Pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan Muslim di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih inklusif, fleksibel dan sensitif terhadap kepelbagaian latar belakang pelajar. Cabaran utama yang dikenal pasti merangkumi aspek linguistik seperti sistem fonetik dan ortografi Arab yang kompleks, kekurangan bahan pengajaran yang sesuai, serta pendekatan pengajaran yang terlalu berfokus kepada aspek tatabahasa. Tambahan pula, faktor afektif seperti motivasi, kebimbangan bahasa dan rasa kurang yakin turut mempengaruhi keupayaan pelajar bukan Muslim untuk menguasai bahasa Arab dengan berkesan. Justeru, pengajaran bahasa Arab perlu mengambil kira realiti dan keperluan sebenar pelajar bukan Muslim. Tanpa penyesuaian yang sewajarnya, pelajar bukan Muslim berisiko untuk tercicir atau hilang minat terhadap bahasa Arab, sekaligus menjejaskan matlamat pembelajaran secara menyeluruh.

Bagi mengatasi cabaran ini, guru bahasa Arab perlu diberi latihan profesional yang menyeluruh merangkumi aspek pedagogi inklusif, pendekatan kontekstual dan strategi pengajaran yang progresif. Pembangunan bahan pengajaran yang menarik, praktikal serta relevan dengan kehidupan pelajar bukan Muslim juga perlu diberi keutamaan agar pembelajaran menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan. Manakala, sokongan emosi, suasana bilik darjah yang selamat, dan galakan berterusan adalah antara elemen penting dalam membantu pelajar membina keyakinan diri dan keberanian untuk menggunakan bahasa Arab dalam pelbagai konteks. Justeru, pengukuhan amalan pedagogi yang mesra pelajar merupakan kunci utama ke arah keberkesanan pengajaran bahasa Arab yang inklusif di Malaysia. Kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada para pendidik bahasa Arab untuk menambah baik pendekatan pengajaran dalam konteks kepelbagaian budaya dan agama, sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana geran Seed Money PPIB UMS Kod projek GSM2406. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana memberi dana untuk menjayakan kajian ini.

Rujukan

- al-Batal, M. (2018). *Teaching Arabic as a Foreign Language: Issues and Directions*. Georgetown University Press.
- al-Khuliy, M. A. (1986). *Asalib Tadris Al-Lughah Al-'Arabiyyah*. Ke-2. Riyadh, Saudi Arabia: Matabi' al-Farazdaq al-Tijariyyat.
- Almelhes. S. (2024). Enhancing Arabic Language Acquisition: Effective Strategies for Addressing Non-Native Learners Challenges. *Educ. Sci.*14, 1116:1-17.
- al-Qarni, M. D. A. A., Syed Jaafar, S. R., & Shahidi, A. H. (2023). The Pronunciation Difficulties of Arabic Segmental Sounds among Malay Speakers. *Jurnal Melayu*, 22(2), 116–132.
- Ashinida Aladdin. (2010). Non-Muslim Malaysian Learners of Arabic (NMMLAs): An Investigation of their Attitudes and Motivation towards Learning Arabic as a Foreign Language in Multiethnic and Multicultural Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9 1805-1811.
- Ashinida Aladdin. (2013). Demotivating Factors in the Arabic Language Classroom: What Demotivates Non-Muslim Malaysian Learners When it Comes to Learning Arabic? *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 93: 1652-1657.
- Ashinida Aladdin. (2021). Subject-Related as a Significant Demotivating Factor for Non-Muslim Learners of Arabic as a Foreign Language. *Ijaz Arabi* 4,3:583-598.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12: 325–337.
- Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2010. Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies* 10 (2): 19-35.
- °Abd al-°Aziz, Nasif. (2010). *al-'Al°ab al-Lughawiiyyah fi Ta°lim al-Lughat al-'Ajnabiyyah ma °al-'Amthilah li Ta°lim al-°Arabiyyah li ghayr al-Natiqin bi ha*. al-Riyad: Dar al-Marikh li al-Nashr.
- Danial Hilmi. (2017). Sistem Pembelajaran al-Qawa°id al-Sharfiyah di Indonesia dalam Perspektif Neurolinguistik. *Jurnal Tarbiyatuna*, 2:119-147.
- Durrotus Tsaminah, Ramadhani Rahmatillah, Alifah Walidain Nur & R.Taufiqurrochman. 2023. Pengaruh Media Podcast dalam Meningkatkan Maharah Istima°Santri Pondok Pesantren Al-Yasini. *Shaut al-'Arabiyyah*, 11,1:104-111.
- Elarnaoty, M. (2018). Machine learning implementations in Arabic text classification. *Studies in Computational Intelligence*, 295–324.
- Horwitz, E. K., Horwitz, M. B., & Cope, J. (1986). Foreign Language Classroom Anxiety. *The Modern Language Journal*, 70(2):125–132.
- Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz Abdullah. (2018). Tekanan Perkataan Arab Sebagai Bahasa Asing dalam kalangan Penutur Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 18(1): 87–105.
- Keshav, M., Julien, L., & Miezal, J. (2022). The Role of Technology in Era 5.0 in The Development of Arabic Language in The World of Education. *J. Int. Lingua Technol* 1, 79–98.

- Mohd Ieruwan Mohamed Mokhtar & Sueraya Che Haron. (2024). A Review of the Factors of Anxiety In Speaking Arabic Language and the 4th Industrial Revolution. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 5:1-10.
- Mohammad Imran Ahmad & Mohammad Najib Jaffar. (2017). Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Kajian Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4,2:177-191.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin, Muhammad Sabri Sahrir. (2017). Persepsi Pelajar Bukan Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Islamiyyat* 39(1): 29 – 37.
- Mohd Shahrizal Nasir, Ahmad Zaki Amiruddin, Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor. (2024). Pembelajaran Bahasa Arab oleh Pelajar Bukan Muslim Menerusi Penggunaan Transliterasi Arab-Rumi. *UMRAN* 11,1:79-99.
- Muhamad Azhar bin Zubir, Mohamad Hazwan bin Abdul Rahman & Muhammad Sabri bin Sahrir (2023). Tinjauan Persepsi dan Motivasi Pelajar Bukan Muslim Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di UiTM Sabah. *International Refereed Journal of Language & Culture*, 8(2):1-12.
- Najah Nasuha & harun Baharuddin. (2024). Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 9,4:1-14.
- Nailur Rahmawati. (2018). Pengembangan Alat Permainan Edukatif dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah Wahid Hasyim Sleman Yogyakarta. *Lisanul Arab* 7 (1): 37- 44.
- Oteir, I. N., & al-Otaibi, A. N. (2019). Foreign Language Anxiety: A Systematic Review. *Arab World English Journal*, 10 (3):309-317.
- Ritonga M, Wahyuni S and Novigator H. (2023). The Future of Arabic language Learning for Non-Muslims as an Actualization of Wasathiyah Islam in Indonesia. *F100 Research* 12-27.
- Rosni Samah. (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia*.
- Siti Rohani Jasni & Mohd Hatib Ismail. (2025). Impak Kepelbagaian Genre Permainan dalam Pembelajaran Kosa Kata Arab bagi Penutur Bukan Natif. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 12,1:148-158.
- Siti Rohani Jasni & Mohd Hatib Ismail. (2024). Exploring Games to Enhance Arabic Morphology Learning. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3):84-94.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad & Hakim Zainal. (2019). Pendekatan Gamifikasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Gamification Approach in Learning Arabic Language. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 358–367.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad & Hakim Zainal. (2020). Impak Pendekatan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab. *Bitara International Journal Of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1), 10-21.
- Siti Rohani Jasni, Mohd Hatib Ismail & Ahmad Sunawari Long. (2025). ‘Ana Najih’ Arabic Word Quest. *MNNF Publisher*, 119-123.
- Wati Susiawati. (2024). Factors Influencing Demotivation to Learn Arabic Among Students of Arabic Language Education Program. *Arabi : Journal of Arabic Studies*, 9 (1), 2024, 43-51.
- Zamri Arifin, Nur Khadijah Abu Bakar, Zaharom Ridzwan & Ezad Azraai Jamsari. (2021). Language Learning Strategies of Non-Muslim Students Applied to Arabic Language Course Inside and Outside the Classroom. *Ijaz Arabi* 4,1:1-12.

Laman web:

Arabic Academy Malaysia. <https://arabicacademymalaysia.com/>.

Al-Madinah International University. <https://www.medu.edu.my/>.

eArabicLearning. <https://earabiclearning.com/>.

NaTakallam. <https://natakallam.com/>.